

# IPT diminta bantu lestari alam sekitar

(39)

11/12/2004  
BH

UNIVERSITI memainkan peranan penting dalam membantu kerajaan melaksanakan pembangunan dan kelestarian alam sekitar melalui penjanaan ilmu dalam bidang berkenaan, kata Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh.

Malah katanya, kerajaan sendiri melalui Dasar Alam Sekitar Negara (DASN) telah menggubal beberapa strategi bagi mengurus alam sekitar bertunggakkan pembangunan ekonomi, sosial dan perlindungan gannya.

Beliau berkata, dasar itu selari dengan beberapa dasar dan pelan pembangunan lain, antaranya Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, Dasar Pertanian Negara Ketiga, Pelan Induk Perindustrian Kedua dan Dasar Perhutanan.

"Semua dasar ini mengutarakan bahawa alam sekitar adalah elemen penting yang perlu diambil kira dalam menentukan kemapanan pembangunan negara.

"Justeru, saya melihat penubuhan fa-

kulti ini bertepatan dengan peranan menjana ilmu dalam bidang alam sekitar, sekali gus bertanggungjawab membantu kerajaan mencapai matlamat DASN," katanya pada majlis perasmian Fakulti Pengajian Alam Sekitar (FPAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan pelancaran Pelan Strateginya di Serdang, kelmarin.

Hadir sama, Pengurus Lembaga Pengarah UPM, Tan Sri Dr Zainul Ariff Hussain; Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie dan Dekan FPAS, Prof Dr Mad Nasir Shamsudin.

Sebagai fakulti baru, Dr Shafie yakin FPAS akan meletakkan sasaran tinggi dalam pencapaiannya, termasuk kualiti dan kecemerlangan pelajar serta penyelidikan, sekali gus memberi sumbangan besar ke arah kelestarian alam sekitar.

Mengenai Pelan Strategi FPAS, beliau berharap ia akan dijadikan panduan, terutama ke arah penekanan kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan mapan.